

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Jangkitan kes meningkat 57.3 peratus

Kuala Lumpur: Jangkitan kes COVID-19 di negara ini menunjukkan peningkatan sebanyak 57.3 peratus apabila 26,616 kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-44 (ME 44/2022) iaitu dari 30 Okt hingga 5 Nov, berbanding 16,917 pada ME sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata bilangan kes tempatan COVID-19 pada ME 44 meningkat 57.4 peratus iaitu 26,577 kes berbanding 16,890 kes pada ME 43.

Turut menunjukkan peningkatan adalah bilangan kes import daripada 27 kes kepada 39 kes iaitu kenaikan 44.4 peratus.

"Bilangan kes kematian pada ME 44 meningkat 45 peratus iai-

tu 20 kes kepada 29 kes," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, purata kes aktif setiap hari bagi ME 44 juga meningkat kepada 33,449 berbanding 28,252 kes iaitu peningkatan 18.4 peratus berbanding ME sebelumnya.

Dr Noor Hisham berkata, secara kumulatif sebanyak 4,923,538 kes baharu COVID-19 dicatatkan dari ME 4/2020 iaitu 25 Januari 2020 hingga ME 44/2022 (5 November lalu), sementara kes sembuh yang direkodkan adalah 4,850,491 kes.

Katanya, kumulatif kes kematian yang dicatatkan bagi tempoh sama adalah sebanyak 36,493 kes dan kumulatif kluster ialah 7,104 kluster dengan 21 kluster masih aktif.

Mengenai kemasukan pesakit ke hospital dan Pusat Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) awam bagi setiap 100,000 penduduk, Dr Noor Hisham berkata secara keseluruhannya meningkat 26.1 peratus dengan jumlah kemasukan bagi kategori satu dan dua, iaitu masing-masing tidak bergejala dan bergejala, meningkat 39.4 peratus.

Selain itu, jumlah kemasukan bagi kategori tiga (mempunyai radang paru-paru), empat (perlu bantuan oksigen) dan lima (perlu bantuan pernafasan) juga meningkat 37.4 peratus.

Calon PH positif COVID-19

Sementara itu, calon Pakatan Harapan (PH) kerusi Parlimen Gopeng, Tan Kar Hing disahkan

positif COVID-19 selepas tiga hari kempen Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

"Pada jam 12 tengah hari ini badan saya mengalami tanda-tanda kurang sihat lalu saya menjalankan ujian sendiri dua kali. Kedua-dua keputusan ujian itu menunjukkan bahawa saya sah dijangkiti COVID-19.

"Kepada sesiapa yang pernah berjumpa saya dalam sehari dua ini, saya memohon anda menjalankan ujian sendiri masing-masing. Kini saya mula menjalankan kuarantin sendiri di rumah selama lima hari sehingga 11 November ini mengikut prosedur operasi standard (SOP) Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya dalam satu kenyataan semalam.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

57% spike in new Covid cases in a week: Health DG

KUALA LUMPUR: A total of 26,616 new Covid-19 cases was recorded in the 44th Epidemiological Week (EW44) from Oct 30 to Nov 5, an increase of 57.3% over the 16,917 cases in the previous week, said Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said local Covid-19 cases rose by 57.4% to 26,577, from 16,890 in EW43.

“Imported cases also increased by 44.4%, from 27 to 39.

“The number of deaths in EW44 increased by 45%, from 20 to 29,” he said in a statement yesterday.

Noor Hisham added that the average number of daily active cases in EW44 was 33,449 compared with 28,252, an 18.4% increase from the previous week.

He said between Jan 25, 2020 and Nov 5, 2022, cumulatively, there were 923,538 cases and 4,850,491 recoveries.

Fatalities during the same period totalled 36,493, while there were 7,104 clusters, with 21 clusters still active.

The admission of Covid-19 patients to hospitals and low-risk treatment centres per 100,000 population saw an overall increase by 26.1%.

Admissions for categories one and two, which are asymptomatic and symptomatic, increased by 39.4%, while those for categories three, four and five were up 37.4%.

Following the increase in cases as well as hospital admissions, and reports of Omicron XBB subvariant cases in several states, Noor Hisham advised the public to take preventive measures by wearing a face mask and getting the vaccine or booster dose.

- Bernama